1. Bujang dandanya sepuluh tangan tiga jika ia... (Tafsiran baris 1 hingga perkataan pertama baris 5, merupakan hukuman-hukuman yang berbeza berdasarkan kedudukan pesalah dalam hierarki sosial iaitu, Mandalika, Menteri dan Tetua (Ketua/Penghulu), pesalah-pesalah ini dikenakan hukuman membayar denda dengan jumlah yang berbeza berdasarkan taraf atau kedudukan mereka.)
2. Menteri Bujang dandanya tujuh tahlil se (paha)...
3. Tengah tiga, jika tetua bujang dandanya lima (tahlil)...
4. Tujuh tahlil sepaha masuk bandar, jika O (rang)...

MUKA D

1. ...tiada ber
kesembilan
4 mengand
tidak begit
mengandai
peruntukan
palsu namu
dipastikan
2. ...Seri Padu
harta dend
3. ...Ke sepulu
pemainku
atawa anak
kesepuluh
mentaati u
oleh Seri Pa
termasukla
4. ...tamra ini
tiada menu

KIRI: Batu nisan pada kubur lama di sekitar kawasan tapak surau lama Kampung Buloh menyerupai batu delorite berbentuk bulat.



KANAN: Batu tongkol delorite yang ditemui di dalam alur Sungai Lawit yang menyerupai Batu Bersurat Piagam Terengganu.



Banyak misteri belum dirungkai

SABAN tahun pengumuman Seminar Batu Bersurat di bawah Muzium Terengganu menjadi tumpuan bukan sahaja dalam kalangan pengkaji sejarah, pakar arkeologi dan saintis malah turut menarik perhatian orang ramai yang ingin mengetahui asal usul khazanah penting negara itu.

Meskipun sudah banyak kertas kerja dibentangkan daripada pelbagai latar belakang pembentang termasuk bahasa, ekonomi dan matematik, namun masih banyak misteri yang belum terungkai.

Di dalam hasil kajian lapangan oleh Agensi Nuklear Malaysia, terdapat persoalan yang ditimbulkan antaranya kemungkinan wujudnya sebuah bengkel di sebuah kampung atau lokasi yang dijadikan tempat untuk memahat batu berkenaan.

Lokasi penempatannya setelah siap dipahat juga menjadi tanda tanya kerana pastinya batu bersurat ditempatkan di satu tempat yang terhormat memandangkan inskripsinya mengandungi undang-undang yang menjadi rujukan semua lapisan masyarakat pada masa itu.

Selain itu, persoalan mengenai teknologi yang digunakan untuk memahat permukaan batu bersurat turut diketengahkan.

Menurut Ketua Sektor Pameran dan Pendidikan Muzium Terengganu, **Rashid Hamat**, banyak persoalan yang masih menantikan jawapan dan kajian berterusan dari masa ke masa perlu dilakukan bagi merungkai segala-galanya berkaitan batu bersurat tersebut.

"Ketika Seminar Batu Bersurat diadakan setiap tahun, kita telah membincangkan banyak perkara dari pelbagai sudut termasuklah dari segi asal usul batu bersurat, bahasa yang digunakan, struktur pemerintahan, penyebaran



LOKASI awal penemuan Batu Bersurat Piagam Terengganu di Kampung Buluh, Kuala Berang, Terengganu.

Islam, institusi pendidikan dan pembelajaran serta dari sudut ekonomi, matematik dan astronomi.

"Setakat ini kira-kira 70 buah kertas kerja sudah dibentangkan dan dua buah buku hasil daripada kertas kerja tersebut telah diterbitkan. Kemungkinan pada tahun ini terdapat 12 atau 13 lagi pakar atau pihak berkaitan yang membentangkan kertas kerja mereka.

"Sungguhpun setiap tahun sudah banyak perbincangan dan penghujahan diberikan namun masih banyak misteri yang belum dirungkaikan," katanya.

Antara perkara yang masih menjadi persoalan, identiti pengukir atau pemahat batu bersurat tersebut.

"Ada kemungkinan pemahat adalah dalam kalangan orang Cina kerana berdasarkan pemerhatian di Guangzhou, China terdapat banyak ukiran

tulisan yang dipahat pada batu. Jadi persoalannya adakah orang yang Cina memahat batu bersurat itu? Itu yang kita hendak kaji sekarang ini.

"Selain itu turut menjadi tanda tanya dimanakah sisa-sisa serpihan batu bersurat yang telah pecah dan adakah masih terdapat batu bersurat lain yang belum ditemui.

"Begitu juga dari segi perkembangan Islam di Nusantara sebelum abad ke 14 dan hubungan luar Terengganu ketika alam Melayu. Kajian ini perlu dilakukan bagi mengetahui lebih lanjut sejarah batu bersurat dan komuniti yang bersangkutan dengannya,"ujarnya.

Dalam pada itu, Muzium Terengganu akan mengadakan Seminar Antarabangsa Batu Bersurat Piagam Terengganu pada 9 dan 10 Mei ini di Dewan Batu Bersurat, muzium tersebut.



Ketika Seminar Batu Bersurat diadakan setiap tahun, kita telah membincangkan banyak perkara dari pelbagai sudut termasuklah dari segi asal usul batu bersurat, bahasa yang digunakan struktur pemerintahan, penyebaran Islam, institusi pendidikan dan pembelajaran serta dari sudut ekonomi, matematik dan astronomi.

RASHID HAMAT

نوکلیر فیلساین تناک دملیسیا

دکونان: دنگارا کیت سمنوري تردافت لیه 25,000 فکرجت یخ ترابیت دالم فکونان سینن دان نوجون کورسوس این دالم کونکوراسی تناک فکرجا دان قیلق ایندوستری یخ ترابیت باکی منیلقکن لای سونوت کصیجتن دان کلامتن مرکابن دشن نوکلیر کاتان.

تروس ممبرکن فکرنن دان قندیبتن کفد رعیه نگارا این سرتا فلاجرا سکوله سوقایا دافت منهایکس نکلن بوروق ترهافت فکونان تناک نوکلیر. لوجرن، فکلمن ملیسیا سنپری یخ سوده فکونان نوکلیر سچق 40 ناهون لاتو دالم فربلوسترین ترماسوق بیدغ فربونن دان فربونن منداقتی ای سلامت

فکونان تناک نوکلیر دکاتان

بهایا هان برداسرکن براف کیس برلاکو کپوجون لوکی نوکلیر دلوکوسیا، جفون عقیبه کفقا بومی فک ناهون 2011 دان ترابیتی کپوجون لوکی چپونوبیل داوکرنن فک ناهون 1986 کاتان. بلیاو برکات دمکنن کفد لوتوسن ملايو مینگون سلقس مراسمین سیمینر Overview and Key Topics In The World Nuclear Industry Today رادیاسی ملیسیا (MARPA) دان World Nuclear University (WNU) پونلند کفقد دسینی بارو این.

قاده مراکوت



لویه علی محمود

فوتراجدی - فکونان تناک نوکلیر اوله اتارا قیلینن ماس دقن باکی مناقتی مسله ایسو فکلمن کلوبل دان فکلمن کارن رومه هیجاو. والفون تیکنولوکی هیجاو سدغ کیت دیاگونکن براساکن تناک سولر، الثین دان سکاکن تاتی تیکنولوکی ترسوت اوله جاره لیه ماهر بریننغ سومبر تناک نوکلیر.

منوروت کتا فکوره اکیسی نوکلیر ملیسیا، دتوق دوکتور محمد لای جوری، سلاین سلامت دکوناکن باکی منجاناکن تناک ترماسوق ایلیکتریک دان فکفونن، فکفونان نوکلیر جوق دافت مینتو منوروتکن 80 فرتوس فکلمن کاربون منجیغ ناهون 2050.

فکفونان باهن باکر یخ دحاصیلکن منورسی فوسیل سلفری مینق فیترونل دیسبل، کس، اریخ باتو دان لایین، سچارا برنورس اکن مینیکن لکسن لوزون سکاکن نیلین، سدگن تناک نوکلیر اوله سیلر کاربون.

جفون (20 فرتوس)، روسیا (60 فرتوس) دان نمیلن، اکیسی نوکلیر ملیسیا اکن

Buru ilmu, bawa kejayaan

Sawal pagi, kanak-kanak ini sudah bersiap ke Sekolah Kebangsaan (SK) Amar Penghulu, Jelevu, Negeri Sembilan. Berbekalkan 20 sen untuk tambang bas bagi perjalanan lebih 6km. Jika tiada duit belanja, beliau sanggup menapak ke sekolah.

Adakalanya beliau dan rakannya sengaja menunggu waktu sesuai 'terserempak' dengan ustaz dari Kuala Klawang yang menaiki skuter Lambretta untuk ditumpangkan ke sekolah. Dapatlah jimatkan duit. Apa yang penting adalah menimba ilmu demi masa hadapan.

Kesedaran pentingnya ilmu timbul apabila melihat kesusahan arwah ibunya, Yang Chek Nordin yang menyara ramai anak. Masih segar di ingatan kata-kata ibunya sewaktu beliau masih kecil: "Kamu hanya boleh mengubah kehidupan melalui pendidikan."

Ternyata, kata-kata azimat ibunya itu menjadi pembakar semangat bagi Datuk Dr Muhamad Lebai Juri, 59, yang kini menjadi Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia (ANM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti).

"Era 1960-an, Jelevu merupakan kawasan pedalaman. Jadi ramai berpindah ke Felda Labu dan Felda Sendayan untuk ubah kehidupan."

"Saya lihat inilah antara polisi kerajaan yang bagus dan efektif untuk rakyat apabila bekas Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein menubuhkan Felda untuk faedah rakyat," ujar anak bongsu enam beradik ini.

Pada masa itu keluarganya tidak dapat ke felda kerana perlu ada ketua keluarga. Sedangkan ibu bapa Muhamad sudah berpisah sejak usianya dua bulan.

Jadi mereka teruskan kehidupan di kampung dengan mengerjakan sawah, menoreh getah, menganyam atap dan berkebun.

"Di tingkatan satu, saya memilih aliran Inggeris di SM Undang Jelevu, Kuala Kelawang dengan bayaran RM3 sebulan, yang dibantu tiga abang saya."

"Apabila mendapat biasiswa Kerajaan Persekutuan, RM30 sebulan di sekolah menengah, ini dapat meringankan beban keluarga. Di tingkatan empat, saya pilih aliran sains dan tak ramai pelajar Bumiputera dalam bidang tersebut."

TANGANI KEJUTAN BUDAYA

Selepas SPM, Muhamad mendapat tawaran biasiswa Mara untuk melanjutkan pelajaran A Level di Conventry Technical College, United Kingdom (UK) 1977.

Seterusnya beliau ke peringkat Ijazah Sains Biokimia Pertanian di University of Newcastle, UK (1980), kemudian Ijazah Sarjana Sains Makanan di University of Bristol, UK (1982), dan Ijazah Kedoktoran Mikrobiologi Radiasi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 1996.

"Saya tidak lupa jasa kerajaan yang membantu saya daripada zero. Apa pun ia juga memerlukan inisiatif sendiri untuk merebut peluang dan berjaya."

"Perlu ada disiplin diri. Dulu, balik sekolah, makan, tidur sekejap kemudian belajar hingga ke malam. Hujung minggu bantu emak. Tiada sesiapa pun yang suruh. Jika tak belajar, hidup jadi statik," ujar bapa enam anak ini.



Muhamad sebagai budak kampung datang ke UK mulanya turut mengalami kejutan budaya. Tapi beliau bersyukur kerana ada kumpulan pelajar Melayu senior membantunya untuk menyesuaikan diri dengan keadaan di sana.

"Apabila tinggal dalam komuniti yang kecil, ini menjadikan kita saling membantu. Kita juga perlu hidup berdikari dan pragmatik (bersifat praktikal) untuk kelangsungan hidup."

"Saya merupakan antara pengasas Persatuan Pelajar Malaysia di New Castle upon Tyne (1977 - 1980). Kita lebih



Sering berkongsi ilmu, kepakaran dan pengalaman dalam bidang teknologi nuklear.



Ilmu menjadi kunci kejayaan dan kebahagiaan keluarga Muhamad.

memfokuskan aktiviti komuniti. Saya juga aktif main bola sepak dan badminton.

"Sukan merupakan medium paling cepat, mudah dan murah untuk menambahkan kenalan di kolej dan universiti," ujar pasangan kepada Datin Nik Mariah Saadiah Wan Mahmud Sruji.

Muhamad yang pernah melalui kehidupan sukar, berpegang kepada prinsip *hardwork*, pragmatik dan *worksmart* untuk berjaya. Pengalaman bekerja di Korea dan Jepun, beliau mendapati penduduk di sana rajin dan boleh bekerja lebih masa. Ini menjadikan negara cepat maju.

Menurutnya, penyelidikan dan pembangunan dilakukan untuk semua kebaikan komuniti. Jika ramai

saintis dan teknologis boleh menghasilkan produk komersial, negara jadi maju.

"Sebenarnya ramai orang sedar teknologi nuklear, tapi ada NGO yang menentang dan ada juga salah persepsi. Inilah cabaran kami untuk tangani persepsi rakyat di negara ini."

"ANM sudah diwujudkan sejak 40 tahun lalu dan kini mempunyai 7,000 pelanggan di dalam dan luar negara. Selain menjalankan penyelidikan,



kami juga menjalankan aktiviti kemasyarakatan, khususnya golongan pelajar untuk mengenali lebih dekat teknologi nuklear."

"Adalah menjadi aspirasi ANM untuk meningkatkan bilangan penyelidik wanita daripada 20 peratus kepada 50 peratus," katanya yang meminati sukan golf.

SIFAT KEPIMPINAN

Sebagai peneraju ANM, Muhamad menekankan dari segi kepimpinan dan ketekunan kalangan 900 staf termasuk 400 kalangan profesional saintis dan jurutera.

Jika mereka mampu menjadi pemimpin dalam bidang masing-masing dan memanfaatkan dana dengan menghasilkan produk komersial, ini secara langsung dapat meningkatkan imej agensi tersebut dan Mosti kepada rakyat.

"Integriti individu juga penting sebagaimana dituntut Islam dalam melaksanakan tanggungjawab."

Jika integriti, kredibiliti dan komitmen diabaikan, ini menyebabkan ada yang mendahulukan kebendaan, seterusnya hidup di luar kemampuan," ujar beliau yang mula berkhidmat di ANM sebagai pegawai penyelidik pada November 1981.

Beliau juga menyarankan kepada mahasiswa agar fokus dengan objektif belajar di universiti untuk mendapatkan ilmu, kemahiran dan ijazah. Jadi mereka perlu berusaha dan jangan hilang daripada landasannya.

"Aanya kelulusan akademik, ini memudahkan mereka berjuang untuk rakyat. Jika menyambung pengajian ke peringkat ijazah kedoktoran, digalakkan buat di universiti tempatan."

"Hasil penyelidikan melibatkan data tempatan yang relevan boleh diaplikasikan terus mengikut keperluan negara. Ia juga dapat menjimatkan kos pengajian dan ilmu yang diperoleh boleh menjadi khazanah negara," katanya yang juga meminati bidang penulisan.

INFO

ANTARA SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN DATUK DR MUHAMAD LEBAI JURI DALAM AKTIVITI TEKNOLOGI NUKLEAR

- Pakar bidang pemprosesan radiasi menggunakan sinaran gama dan sumber elektron untuk pengawetan makanan dan sterilisasi barangan perubatan dan herba; Pakar bidang pengurusan sisa radioaktif semula jadi (NORM) dan yang diproses (TENORM) bagi projek ARE/Lynas/industri/kitaran bahan bakar nuklear.
- Terima Darjah Dato' Paduka Negeri Sembilan oleh DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan (2013); Johan Setia Mahkota oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong (2012); Anugerah Setia Mahkota (Negeri Sembilan) oleh DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan (2000); dan Anugerah Khidmat Cemerlang Jabatan (1997 dan 2001).

24 May 2015

*Nuclear Malaysia
in the News 2015*

Ministries to join hands in health screening

By V. Sivaji
mmnews@sundaymail.com.my

GEORGE TOWN — Malaysian Nuclear Agency with the support of the Health Ministry and the Science, Technology and Innovation Ministry will carry out health screenings on Rohingya migrants if they are temporarily housed in Penang.

"For the laymen, the sheer mention of nuclear technology means destruction but little do they realise nuclear technology is vital in the medical field like X-ray, Magnetic Resonance Imaging (MRI) and nuclear medicine," said the agency's director-general Datuk Dr Muhamad Lebai Juri.

He said this at the opening of the '41st Scientific Meeting of Medical Imaging' held at Hotel Bayview in George Town. Some 50 participants from various disciplines related to nuclear technology attended the one-day forum.

"One of the basic requirements for medical screening is chest X-ray and these migrants should be screened for any contagious diseases like tuberculosis which can spread easily," he said.

He also added early detection and diagnostics are vital to safeguard the health of the migrants and general public.

"We have imaging technology which is on par with world's best and many government and private hospitals are already equipped with such tools,"

said Dr Muhamed.

He added the availability of high-tech equipment and imaging technology over the last five years would in a way help support the medical tourism sector in the country.

"The cost and time taken to diagnose is shortened, as a result the imaging can be sent to a doctor in a matter of minutes.

"Such technology will help medical officers offer speedy assessments and treatment for patients while saving cost of making the film," he said.

In his opening speech, Dr Muhamed said: "The agency also provides corporate social responsibility programmes for third world countries in Africa and others like Cambodia and Laos," he said.

Malaysia and Indonesia have agreed

to offer temporary shelter to some 7,000 boat people stranded at sea, provided the international community resettles them within a year.

Activists and NGOs lauded the move to rescue the Rohingya and Bangladeshi migrants and even pledged to extend a helping hand.

Inspector General of Police Tan Sri Khalid Abu Bakar said Penang was chosen to provide the migrants shelter due to its strategic location.

Penang Chief Minister Lim Guan Eng said: "The state will offer its cooperation on this matter. It is an issue of national security even though we have not been briefed or offered any information related to it."



DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH (tiga dari kiri) semasa melawat ke sangkar akuakultur di Pulau Simpang Tiga, Langkawi baru-baru ini.

Inovasi Nuklear Malaysia

INDUSTRI akuakultur tempatan bakal menerima suntikan baharu dalam bidang penyelidikan berikutan kejayaan penyelidikan Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) yang berjaya menghasilkan bahan nanohibrid biokomposit yang boleh dimanfaatkan dalam bidang ternakan sangkar ikan.

Penyelidikan mengenai pembangunan bahan tersebut yang dibiayai menerusi ScienceFund dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berjumlah RM214,000 dimulakan pada November 2011 dan siap pada April tahun lalu.

Perekanya **Mohd. Faizal Abd. Rahman** yang juga Pegawai Penyelidik Kumpulan Polimer Adunan dan Komposit Bahagian Teknologi Pemrosesan Sinaran, Nuklear Malaysia berkata, beliau mendapat inspirasi dan dorongan menghasilkan inovasi berkenaan bagi memenuhi keperluan struktur yang teguh dalam bidang perikanan akuakultur bagi menampung bilangan keperluan sangkar yang tinggi daripada sektor tersebut.

“Dijangkakan pada tahun 2020, keperluan bekalan ikan daripada sektor akuakultur akan mencecah 1.7 juta tan metrik setahun berbanding 700,000 tan metrik ketika ini,” ujarnya sambil memberitahu inovasi tersebut dihasilkan dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perikanan (FRI), Jabatan Perikanan.

Pembangunan bahan tersebut juga katanya, menyokong agenda pembangunan negara di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) bagi sektor pertanian dan projek permulaan (EPP) 4 iaitu perladangan sangkar bersepadu bertujuan meningkatkan taraf kehidupan golongan pengusaha dan nelayan di negara ini.

Beliau berkata, antara cabaran utama dalam penyelidikan tersebut termasuklah untuk mengenal pasti bahan matriks polimer yang bersesuaian dengan penggunaan sebagai sangkar akuakultur dan juga ketidaktentuan cuaca di lapangan



MOHD. FAIZAL ABD RAHMAN

ujian yang menyebabkan kehilangan sampel ujian terutamanya dalam musim tengkujuh.

Bagaimanapun, inovasi ciptaannya itu mempunyai kelebihan termasuklah daya ketahanan air dan cuaca yang lebih tinggi berbanding struktur kayu dan juga mempunyai ketegaran yang lebih tinggi berbanding plastik bahan *high density polyethylene* (HDPE) yang biasa.

Nanohibrid biokomposit itu dihasilkan menggunakan teknologi nano daripada serat tandan sawit kosong, habuk kayu dan serat sekam padi yang boleh menjadi alternatif bagi menggantikan kayu sebagai bahan binaan struktur sangkar akuakultur.

Penggunaan teknologi tersebut dapat mengurangkan kos pembinaan sangkar ikan sebanyak 30 peratus.

Katanya, penggunaan bahan nanohibrid biokomposit itu sedang dalam peringkat prapengkomersialan iaitu penggunaan bahannya dalam bentuk struktur sangkar akuakultur yang sebenar akan digunakan di lapangan ujian di Pulau Langkawi.

Projek prapengkomersialannya mendapat sokongan dana Technofund MOSTI sebanyak RM650,000 bermula Januari lalu.

“Setelah lengkap peringkat prapengkomersialan, antara langkah seterusnya yang akan diambil adalah ke arah pengkomersialan penuh iaitu produk sangkar akuakultur daripada bahan nanohibrid biokomposit itu akan diperkenal untuk kegunaan aktiviti akuakultur dalam dan luar negara,” ujarnya.

Sementara itu, menurut Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi **Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah**, projek tersebut ini mampu menyumbang kepada jaminan keselamatan dan bekalan produk makanan untuk negara.

“Ia akan turut membantu meningkatkan taraf hidup pekerja dalam sektor perikanan tempatan” katanya semasa melawat ke sangkar akuakultur di Pulau Simpang Tiga, Langkawi baru-baru ini.

16 June 2015

Nuclear Malaysia
in the News 2015

Makanan diiradiasi selamat dimakan

KUALA LUMPUR - Produk makanan yang telah melalui proses iradiasi adalah selamat untuk dimakan dan orang ramai tidak perlu bimbang mengenai ia akan menjejaskan kesihatan.

Ahli Lembaga Pengarah Agensi Nuklear Malaysia dan Perutusan Perlindungan Sinaran Malaysia, Dr. Wan Saffiey Wan Abdullah (**gambar kecil**) berkata, terdapat kekeliruan dan salah faham dalam kalangan orang ramai berhubung tahap keselamatan makanan diiradiasi.

"Banyak pihak yang menyamakan produk diiradiasi dengan makanan radioaktif yang dihasilkan akibat pencemaran radiasi isotop yang terhasil se-



MAKANAN yang melalui proses iradiasi tidak menjejaskan nilai pemakanan dan selamat dimakan. - Gambar hiasan

lepas kemalangan loji nuklear di Fukushima, Jepun pada tahun 2010.

"Pakar makanan antarabangsa membuktikan iradiasi makanan mengikut peraturan yang ditetapkan tidak menjejaskan nilai pemakanan dan se-

lamat untuk dimakan," katanya semasa berucap pada Seminar Keselamatan Makanan 2015 di sini semalam.

Jelas beliau, produk yang terdedah kepada punca sinaran gama, elektron dan sinaran X

tidak akan menjadikan makanan tersebut radioaktif kerana tenaga sinaran adalah rendah.

"Ia seperti barangan atau bagasi melalui mesin pengimbas sinaran X di lapangan terbang. Makanan diiradiasi juga bebas residu dan tidak seperti rawatan bahan kimia," katanya.

Ujar beliau, penerimaan terhadap iradiasi makanan masih rendah kerana pengguna dan pihak industri makanan di negara ini mempunyai pengetahuan yang sedikit mengenainya.

Iradiasi merujuk kepada proses pengawetan sesuatu produk dan ia menjamin keselamatan makanan menerusi pembasmian bakteria patogenik yang membawa penyakit keracunan khususnya dalam daging atau makanan laut.

Makanan diiradiasi tidak jejas kesihatan

KUALA LUMPUR 15 Jun - Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) memberi jaminan penggunaan teknologi iradiasi bagi meningkatkan kualiti makanan tidak berbahaya atau menjejaskan kesihatan.

Teknik menggunakan teknologi nuklear tersebut digunakan dalam memproses produk makanan serta hasil pertanian seperti rempah dan herba serta mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan di bawah Peraturan Iradiasi Makanan 2011, berkuat kuasa Oktober 2013 sehingga kini.

Ketua Pengarah Nuklear Malaysia, Datuk Dr. Muhamad Lebai Juri berkata, iradiasi suatu teknologi alternatif yang terbukti berkesan secara saintifik meningkatkan keselamatan makanan, mengurangkan kerosakan hasil pertanian dan me-

ngatasi halangan perdagangan.

"Teknologi ini mampu mengurangkan kadar mikroorganisma yang mengakibatkan pencemaran makanan serta turut diiktiraf pakar makanan antarabangsa.

"Makanan yang terdedah kepada sinaran iradiasi tidak menjejaskan nilai pemakanan dan selamat untuk dimakan," katanya ketika berucap merasmikan Seminar Keselamatan Makanan 2015, di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Pengarah Kanan Pengkomersialan dan Perancangan Teknologi agensi tersebut, Mohd. Sidek Othman.

Yang turut hadir, Ahli Lembaga



MOHD. SIDEK OTHMAN

Pengarah Persatuan Perlindungan Sinaran Malaysia (MARPA), Dr. Wan Saffiey Wan Abdullah.

Seminar anjuran bersama Nuklear Malaysia dan MARPA itu bertema 'Memperkasakan Industri Makanan' dan menyentuh pelbagai isu tentang memperkasakan industri makanan, pengurusan kualiti, aspek halal, undang-undang dan akta, teknologi pemprosesan dan analisis serta masa depan industri makanan.

Muhamad berkata, penjelasan ini perlu bagi mengulas kekeliruan atau salah faham orang ramai terhadap keselamatan makanan diiradiasi yang boleh menjejaskan kesihatan seperti mengakibatkan kanser.

16 June 2015

*Nuclear Malaysia
in the News 2015*



MOHLIS JAAFAR (tiga dari kanan) bersama Zulkifli Md. Salleh (kiri), Muhamad Lebai Juri (dua dari kiri) dan Ab. Razak Mohd. Khairan (dua dari kanan) selepas majlis pemeteraian MoU di Kuala Langat, Selangor, semalam.

Politeknik Banting jalin kerjasama pintar

KUALA LANGAT 15 Jun - Jabatan Pendidikan Politeknik terus mengorak langkah untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi terunggul dalam bidang kemahiran dengan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) antara Politeknik Banting dengan empat organisasi.

Empat organisasi itu ialah Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Agensi Nuklear Malaysia, Dviation Solution Sdn. Bhd. dan Uni10 Energy Sdn. Bhd.

Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik, Datuk Mohlis Jaafar berkata, kerjasama tersebut membolehkan perkongsian pintar dari segi kemudahan dan keper-

luan fasiliti dijalin yang akan memberi manfaat kepada semua pihak terlibat.

"Kerjasama ini adalah satu langkah bijak bagi sama-sama berkongsi ilmu antara rakan strategik dan pensyarah di politeknik terbabit terutama dalam bidang penyelenggaraan pesawat yang memerlukan kepakaran khusus.

"Saya harap kerjasama ini dapat meningkatkan mutu pendidikan di sini," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis pemeteraian MoU berkenaan, di sini hari ini.

Politeknik Banting diwakili oleh Pengarahnya, Zulkifli Md. Salleh manakala TUDM oleh Asisten Ke-

tua Staf Kejuruteraan, Mejar Jeneral Datuk Ab. Razak Mohd. Khairan; Agensi Nuklear Malaysia oleh Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Muhamad Lebai Juri; Dviation Solution oleh Pengarah Operasi, T. Ganesan dan Uni10 Energy oleh Pengarah Operasi, Syahrul Azwa Idris.

Kerjasama berkenaan juga menyaksikan kumpulan pertama sebanyak 103 anggota TUDM mengikuti kursus sepenuh masa di Politeknik Banting dalam sesi Jun ini.

Sebanyak 78 daripada mereka mengikuti kursus Diploma Kejuruteraan Mekanikal dan 25 orang lagi dalam bidang penyelenggaraan pesawat.



MOSTI menerusi
Agensi Nuklear
Malaysia mendedahkan
pelajar kepada bidang
sains khususnya
teknologi nuklear
secara santai dan
menyeronokkan

MENAKLUK SAINS

Dekati, kenali nuklear

Program *Veni, Vidi, Vici* 2015 dedah kelebihan nuklear

Oleh LAUPA JUNUS dan
ASHRIQ FAHMY AHMAD
sains@utusan.com.my

PENGUASAAN sesebuah negara dalam teknologi tinggi merupakan antara fokus yang sentiasa dititikberatkan.

Tidak mengira dalam apa jua bidang, teknologi tinggi wajar dikuasa jika kita ingin menjadi negara maju.

Malaysia tidak ketinggalan dalam mengejar perkembangan tersebut dengan menubuhkan pelbagai agensi berkaitan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Selain itu, kerajaan turut menyokong sepenuhnya perkembangan dan peningkatan penggunaan teknologi tinggi dalam pelbagai bidang.

Namun, tanpa kesedaran dan pengetahuan dalam teknologi tinggi adalah mustahil hasrat tersebut dapat dicapai.

Penerimaan masyarakat terhadap sesuatu teknologi baharu bergantung kepada pengetahuan dan pemahaman mereka dalam bidang sains dan juga teknologi yang ingin diperkenalkan.

Sebab itu, hasrat Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) untuk melihat penguasaan dalam bidang sains dalam kalangan pelajar menerusi *Program Perkhemahan Nuklear: Veni, Vidi, Vici* (3V) amat bertepatan.

Program tersebut yang memasuki tahun ketiga pengajiannya dan kini semakin banyak membantu pelajar menguasai bidang sains menerusi program bercorak amali tetapi menyeronokkan.

Program tersebut yang dianjurkan dengan kerjasama MOSTI, Kementerian Pendidikan menggabungkan elemen perkhemahan selama tiga hari dua malam dan konsep pembelajaran luar kelas



DAHLAN MOHD. (tengah) beramah mesra bersama para pelajar yang menyertai Program Perkhemahan Nuklear: Veni, Vidi, Vici (Sesi 1) 2015 pada majlis penutupannya di Bangi baru-baru ini.

menerusi amali dalam makmal berkaitan teknologi nuklear dan aplikasinya.

Objektif program adalah jelas iaitu memperkenalkan dan menyebarkan subjek sains dan teknologi serta membina keyakinan dan kepercayaan pelajar dan guru mengenai penggunaan teknologi nuklear.

Lebih daripada itu, program tersebut yang diadakan sejak 2013 melibatkan 135 sekolah menengah dan 540 pelajar diharap dapat memberi motivasi dan menggalakkan pelajar memilih

bidang sains dan teknologi nuklear jika menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Veni, Vidi, Vici, berasal daripada bahasa Latin yang dilancarkan oleh Maharaja Julius Caesar bermaksud 'Saya datang, saya melihat dan saya menakluk' yang membawa pengertian menguasai konsep kepentingan nuklear dalam kehidupan.

Terbukti apabila program dimulakan, pelajar dan guru yang ditemui mengakui teruja dengan teknologi nuklear dan tidak rumit seperti yang disangkakan.

Terbaharu, pada program siri ketujuh 2015 yang diadakan baru-baru ini guru sains, Sekolah Menengah Kebangsaan Bakti Tasek Gelugor, Pulau Pinang, **Mohd. Anis Abdullah** berkata, program perkhemahan tersebut merupakan pertama kali disertai sekolahnya. Jelasnya, perkhemahan tersebut berjaya membuka mata mereka akan kelebihan teknologi nuklear.

"Seperti mana yang kita sering dimomokkan adalah nuklear adalah sesuatu yang berbahaya dari segi radiasi dan kegunaannya.

"Apa yang sering tertanam dalam minda masyarakat adalah teknologi nuklear berkaitan proses untuk membuat bom atom sahaja," katanya ketika di temui di Bnagi, Selangor baru-baru ini.


Ujarnya, menerusi aktiviti perkhemahan anjuran Agensi Nuklear tersebut baharulah mereka mengetahui bahawa teknologi nuklear boleh diaplikasikan dalam pelbagai bidang dan kegunaan.

"Di sini kami didedahkan apa

sebenarnya teknologi nuklear dan apa sebenarnya yang dilakukan oleh agensi ini.

"Apa yang pasti pandangan saya dan masyarakat selama ini adalah tidak tepat tentang teknologi nuklear," katanya.

Sementara itu, guru sains Sekolah Menengah St. John (M), Tuaran, Sabah,



PELAJAR menjalankan eksperimen di makmal.



PELAJAR menginap dalam khemah sepanjang program di adakan di Nuklear Malaysia, Bangi.

Apa kata mereka

PERKHEMAHAN seperti ini merupakan pertama kali saya sertai dan amat berlainan kerana berpeluang melakukan ujikaji di makmal nuklear yang sebenar.”

- MUHD. AFIQ ZULKIFLI
Pelajar Tingkatan Lima,
Sekolah Menengah
Kebangsaan Bakti Tasek
Gelugor, Pulau Pinang.



SAYA amat menggemari subjek sains dan peluang dan pengalaman menghadiri perkhemahan seperti ini amat mengujakan saya.

- LIM CHIN WENG
Pelajar Tingkatan Empat,
Sekolah Menengah
Kebangsaan Tun Dr. Ismail,
Kuala Lumpur.



BIASANYA jika sebut nuklear mesti ingat bom, namun perkhemahan ini membuka mata saya tentang teknologi nuklear dan faedahnya.

- FELICE MAYNELIA
Pelajar Tingkatan Empat,
Sekolah Menengah St.
John (M) Tuaran, Sabah.



“Di sini makmalnya canggih dan saya amat teruja melakukan ujikaji bersama saintis Agensi Nuklear Malaysia yang banyak memberi tunjuk ajar kepada kami.”

- AZIZI MOHD. TAMBIL
Pelajar Tingkatan Empat
Wira Penrissen,
Samarahan, Sarawak.



Imee Samuil berkata, program tersebut berjaya mendedahkan kelebihan sebenar teknologi nuklear yang selama ini ditakuti ramai.

“Saya sendiri apabila mendapat jemputan menghadiri program ini berasa amat teruja kerana tidak pernah menyertainya sebelum ini.

“Sebelum ini jika menyebut tentang teknologi nuklear apa yang terlintas difikiran adalah bom,” katanya.

Tambah Imee, bagaimanapun segala tanggapan tersebut ternyata meleset apabila menjejakkan kaki ke makmal agensi tersebut.

“Di sini saya dapat lihat pelbagai kajian dan teknologi yang dihasilkan adalah untuk kepentingan awam dan produk yang dihasilkan juga adalah unik.

“Selama ini masyarakat kurang didedahkan dengan kajian dan pengembangan (R&D) yang dilaksanakan oleh agensi ini menyebabkan ramai yang tidak memahami kepentingannya,” ujarnya.



IMEE SAMUIL



PELAJAR menjalankan eksperimen kultur tis di makmal Nuklear Malaysia.

Tambahnya, pada program tersebut setiap sekolah akan diberi tugas menjalankan ujikaji dan perlu dibentangkan, sekali gus membolehkan mereka melihat dan merasai sendiri pengalaman sebagai penyelidik di agensi tersebut.

Bagi guru sains, Sekolah Menengah Kebangsaan Wira Penrissen - Samarahan, Sarawak, **Phang Hui Kien** juga mengakui

perkhemahan tersebut berjaya membuka minda mereka tentang kelebihan teknologi nuklear.

“Rupa-rupanya teknologi berasaskan nuklear ini banyak digunakan dalam kehidupan seharian kita, cuma ramai dalam kalangan masyarakat yang tidak mengetahuinya.

“Malah, R&D yang dijalankan dalam menghasilkan produk dan inovasi untuk kegunaan orang ramai agak mengejutkan saya.

“Apa yang pasti program seperti adalah amat baik dan patut di teruskan di masa akan datang, malah apa juga maklumat dan pengalaman yang diperoleh oleh kami di sini akan dikongsikan bersama guru-guru dan pelajar sekolah apabila pulang nanti,” katanya.

Sementara itu Pegawai Penyelidik Nuklear Malaysia, **Salahbiah Abdul Majid** mengakui pelajar menunjukkan minat dalam sains dan teknologi meskipun pada awalnya mereka menganggapnya sebagai susah.

“Pelajar tekun semasa menyediakan bahan kultur tis menunjukkan mereka minat sains,” ujarnya. Seorang lagi guru pembimbing, **Hanafi Idris** dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Sheikh Abdul Malek Kuala Terengganu berpendapat program tersebut sangat baik dilaksanakan.

“Ia dapat memberi peluang dan pendedahan kepada pelajar dan guru mengenai aplikasi dan kegunaan teknologi nuklear selain pengenalan kepada alat-alat berteknologi tinggi dalam makmal,” ujarnya.

Program pupuk kesedaran

PROGRAM Perkhemahan Nuklear: Veni, Vidi, Vici (3V) baru-baru ini disertai 20 buah sekolah dengan jumlah peserta 80 orang dalam kalangan pelajar dan guru sekolah.

Menurut Pengarah Kanan Program Pembangunan Nuklear Malaysia, **Dr. Dahlan Mohd.**, agensi tersebut berperanan menyebarkan maklumat dan menyuntik kesedaran dan penerimaan awam terhadap sains dan teknologi terutama bidang nuklear.

Berucap pada majlis penutup dan penyampaian hadiah, beliau berkata, 3V merupakan sebahagian daripada program kesedaran awam yang dirangka dari semasa ke semasa seperti ceramah dan pameran ke sekolah-sekolah dan institut pendidikan guru dan Siri Jelajah Ikon Saintis.

Dalam pada itu menurut Pengarah Bahagian Maklumat agensi tersebut, **Habibah Adnan**, objektif program untuk memperkenalkan dan menyebarkan subjek sains dan teknologi nuklear melalui pembelajaran luar kelas sekali gus memberi pendedahan penggunaan dan sumbangan teknologi nuklear dalam membantu kehidupan.

“Sebanyak 20 buah sekolah mengambil bahagian dan setiap sekolah yang terlibat melaksanakan 20 jenis ujikaji yang berlainan,” ujarnya.

Pada siri ketujuh ini, SMKA Sheikh Abdul Malek diumumkan pemenang tempat pertama bagi kategori pertandingan dengan membawa pulang trofi dan RM1,000 manakala tempat kedua, Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra (RM750) dan ketiga, SMK Seri Tanjung Melaka yang membawa pulang RM500.



DAHLAN MOHD.



HABIBAH ADNAN



4 July 2015

Nuclear Malaysia
in the News 2015

Malaysia mempunyai banyak bekas lombong bijih timah yang kaya dengan **mineral torium**.

Sisa bijih timah boleh jana tenaga nuklear

Mineral torium di bekas lombong hasilkan elektrik lebih murah, selamat

Sekitar 1970-an, Malaysia adalah negara pengeluar bijih timah terbesar dunia dengan Perak sebagai lokasi pelombongan bijih timah yang aktif terutama sekitar Lembah Kinta.

Bagaimanapun, industri itu berakhir kira-kira tiga dekad lalu apabila harga bijih timah dunia merudum sehingga menyebabkan syarikat pelombongan gulung tikar dan banyak lombong terbiar. Hari ini, kawasan lombong itu ada yang dijadikan kawasan perumahan, taman tema atau terbiar begitu saja.

Istu pembuangan dan penyimpanan sisa buangan dari kilang memproses nadir bumi daripada sumber tahi bijih timah pernah menimbulkan kontroversi sejak 30 tahun lalu apabila pemilik kilang, syarikat Asiar Rare Earth (ARE), didakwa gagal mematuhi tahap keselamatan sisa buangan di Perak, yang mengandungi bahan radioaktif torium.

Kisah turun naik mahkamah, tunjuk perasaan penduduk sekitar, mogok lapar dan penahanan individu terbabit

dalam tunjuk perasaan turut berlanjutan selama dua dekad yang akhirnya ARE, walaupun menang dalam kes mahkamah, terpaksa mengambil langkah menutup operasi kerana tekanan dari dalam negara dan antarabangsa.

Namun, kisah itu tidak habis di situ. Bagaimana pula halnya dengan sisa buangan bijih timah atau tahi bijih itu? Sebahagian besar sisa bijih timah ini yang terdiri daripada monazite dan xenotime mempunyai nilai pasaran, terus diekspor keluar negara. Dianggarkan antara 500 hingga 600 tan setahun bahan berkenaan dijual ke luar negara.

Sisa buangan bijih timah

Tidak banyak yang diketahui umum mengenai sisa buangan bijih timah mempunyai mineral torium yang mampu menjana tenaga elektrik dengan lebih selamat dan bersih.

Seperti uranium, torium adalah elemen asas semula jadi yang boleh digunakan sebagai bahan

api dalam rantaian nuklear yang mampu menjana loji tenaga dan menghasilkan elektrik. Tetapi ia kurang popular dalam kalangan negara kuasa besar dunia dalam menghasilkan tenaga berbanding uranium dan plutonium.

Umpama serampang dua mata, penggunaan uranium dan plutonium menjadi pilihan kepada negara maju atau kuasa besar di dunia seperti Amerika, Russia,

Perancis dan United Kingdom untuk membina prasarana teknologi nuklear termasuk pembinaan reaktor nuklear.

Ia bukan saja bagi menjana elektrik malah juga bidang persenjataan yang ampuh. Hakikatnya bahan torium amat sukar dijadikan senjata nuklear berbanding uranium dan plutonium.

Disebabkan itu juga hampir keseluruhan reaktor nuklear di dunia menggunakan uranium untuk menjana tenaga elektrik. Hanya Oakridge National Lab, di Amerika Syarikat yang pernah membangunkan teknologi menggunakan torium sekitar tahun 1950 hingga 1960-an, itu pun pada skala penyelidikan dan demonstrasi.

Menjelaskan perihal torium, Timbalan Ketua Pengarah Program Pembangunan dan Penyelidikan, Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia), Dr Muhd Noor Muhd Yunus, berkata torium adalah elemen asas dalam alam semula jadi seperti besi, plumbum, kuprum dan juga uranium.

Mineral yang mempunyai kandungan torium yang tinggi dikenali sebagai monazite. Ia boleh didapati daripada beberapa sumber utama iaitu bahan sampingan dari lombong bijih timah, pasir pantai dan enapan sungai di Perak dan Kedah serta kawasan pergunungan di Pahang, Johor, dan Kelantan.

Kajian beberapa pusat penyelidikan dan universiti tempatan mendapati tanah di Semenanjung mengandungi bahan torium yang tinggi apabila bacaan keradioaktifan tanah di beberapa tempat didapati jauh lebih tinggi daripada bacaan purata dunia.

Torium wujud dalam tanah bersama dengan bahan nadir bumi lain yang mempunyai nilai pasaran tinggi.

Di Kerala, India, misalnya, di sebalik

pantai yang berpasir kehitaman dan kehijauan itu, kaya unsur torium dengan kadar keradioaktifan tujuh kali lebih tinggi berbanding persekitaran yang normal dan kerajaan India melindungi kawasan itu atas dasar strategik dan keselamatan.

India adalah satu-satunya negara di dunia yang membangun infrastruktur teknologi nuklear berasaskan torium sehingga sekarang.

Menyertai India, kini China, Norway, Afrika Selatan, Kanada dan Amerika Syarikat sedang berusaha keras untuk membangun teknologi nuklear berasaskan torium.

Proses bahan nadir bumi

"Bahan nuklear torium dihasilkan melalui ekstrak sisa memproses bahan nadir bumi dan perlombongan. Sebagai negara bekas pengeluar bijih timah utama dunia, Malaysia mempunyai ke-



Sampel torium oxalate.



Meor Yusoff menunjukkan torium kering hasil daripada tahi bijih timah.



Pegawai Penyelidik Kanan Agensi Nuklear Malaysia, Dr Meor Yusoff Meor Sulaiman memberi penerangan mengenai torium di makmal uji kaji Agensi Nuklear Malaysia.

[FOTO SAIFULLIZAN TAMADI/BH]

lebih dari segi sumber torium banyak yang boleh diperolehi dari kawasan semula jadi bekas lombong bijih di Perak," katanya.

Justeru, sudah tiba masanya negara menggunakan sumber yang diabaikan iaitu sisa lombong bijih Perak sebagai sumber tenaga baru bagi Malaysia.

Menerusi Pelan Tindakan Dasar Sains Teknologi Inovasi Negara, Nuklear Malaysia bertanggungjawab merangka pembangunan dan penyelidikan teknologi reaktor nuklear inovatif berteknologi torium.

Dr Muhd Noor dalam kertas kerja bertajuk Pembangunan Projek Torium yang dibentangkan pada Seminar World Nuclear University baru-baru ini menggariskan beberapa pelan yang perlu dilaksanakan pada peringkat awal dalam usaha merealisasikan pembinaan loji nuklear berasaskan torium.

Antara program yang dirancang



"Bahan nuklear torium dihasilkan melalui ekstrak sisa memproses bahan nadir bumi dan perlombongan. Sebagai negara bekas pengeluar bijih timah utama dunia, Malaysia mempunyai kelebihan dari segi sumber torium banyak yang boleh diperolehi dari kawasan semula jadi bekas lombong bijih di Perak"

Muhd Noor Muhd Yunus,
Timbalan Ketua Pengarah Program
Pembangunan dan Penyelidikan,
Agensi Nuklear Malaysia

pada tahun 2018, teknologi modulasi untuk mengunci bahan radioaktif dan pelan komunikasi nuklear.

Pembangunan konsep pemecut zarah untuk penyerakan neutron serta reactor berteraskan torium akan menyusul selepas tahun 2018.

"Kita yakin Malaysia berpotensi menjadi hab industri proses bahan nadir bumi yang bersih dan selamat selepas bahan strategik torium dapat kita asingkan dengan selamat dengan kepakaran banyak pihak termasuk dari universiti tempatan dan luar serta agensi berkaitan nuklear antarabangsa.

"Antara kesan program yang dicadangkan itu termasuk persekitaran yang lebih selamat dan bersih daripada punca radiasi," katanya.

Taburan sumber torium

Kajian taburan sumber torium di seluruh negara termasuk sisa memproses mineral untuk menentu sah jumlah torium untuk dijadikan bahan api bagi penjaan tenaga nuklear, turut dilaksanakan menerusi pelan itu bagi membolehkan pihak terbabit mengenalpasti lokasi sebenar dengan lebih tepat.

Selain itu, pembangunan teknologi pengasingan torium pada peringkat loji pandu bersama pihak industri tempatan dan antarabangsa termasuk Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) untuk membolehkan kajian tekno-ekonomi dilaksanakan.

"Penyelidikan dan pembangunan reaktor nuklear inovatif menggunakan bahan api torium serta pengeluaran pemecut zarah neutron pada skala demonstrasi dengan kerjasama antarabangsa seperti Jepun dan IAEA, dapat menghasilkan tenaga yang bersih dan murah," katanya.

Agensi Nuklear Malaysia turut mewujudkan makmal berskala penyelidikan dan pembangunan serta memiliki paten untuk memisahkan torium daripada sisa nadir bumi.

"Jika mampu mengekstrak dan memisahkan torium daripada sisa bahan nadir dan menukarnya kepada tenaga nuklear secara berskala besar, kita mampu menyelesaikan banyak isu termasuk kekurangan bahan api, alam sekitar dan industri yang bersih, selamat dan mempunyai potensi ekonomi yang tinggi.

"Berbanding negara lain di rantau ini termasuk Jepun, Korea Selatan, India, China, malah Vietnam dan Bangladesh, Malaysia dianggap jauh ke belakang dalam industri nuklear terutama yang membabitkan pembinaan Light Water Reactor (LWR), tetapi jika dinilai dari sudut pembangunan teknologi nuklear menggunakan bahan torium, negara tidak dikira terlalu ke belakang.

"Umpama jika mahu menaiki kereta api, gunakan kereta api yang lebih kurang sama dengan pesaing kita, tidak terlalu cepat atau lambat. Kita perlu mengambil langkah berhati-hati, semuanya perlu bermula dengan langkah pertama barulah dapat ke atas.

"Membangunkan dan memiliki reaktor nuklear torium pada masa depan, membolehkan negara mendapat bekalan elektrik yang sangat murah serta bersih," katanya.

நம்முள் பலருக்கு அணுசக்தி என்றாலே அது ஒரு கெட்ட அழிவுப் பொருளாகத் தான் தோன்றும். நமக்கு தெரிந்தது அதுதான். ஆனால் அதே அணுசக்தியைப் பயன்படுத்தி நாட்டின் வளர்ச்சிக்கு பல நல்ல காரியங்களை செய்ய முடியும் என்று கூறுகிறார் மலேசிய அணு ஆராய்ச்சி மையத்தைச் சேர்ந்த டாக்டர் சந்திரா தேவி.

அறிவியல் பாடத்தில் நன்கு பிரகாசித்ததால் எதிர்காலத்தில் ஒரு மருத்துவராக வேண்டும் என்ற தனது லட்சியத்தையும் பெற்றோரின் கனவையும் நனவாக்க வேண்டும் என்ற வேட்கையோடு பகாவ், சிரம்பான் போன்ற நகரங்களில் தனது இடைநிலைப்பள்ளி படிப்பை முடித்து மிடல்டன்

"And for the students, it takes them away from the books to do field work in places like greenhouses and radiation labs, where they carry out experiments for themselves," said Komala, 51, from SMK Convent Butterworth.

She said the students learned a lot about the nuclear field and how science was applied in their daily life.

"This creates more interest and excitement," she added.

Komala's student Norshaza Abdul

Halim, 17, who initially wanted to be a graphic designer, now wants to become a scientist or researcher.

"I always had a negative idea about scientists and that it was tough, but after this I realised it is fun, interesting, challenging and a unique job," said Norshaza, who helped her school win the RM1,000 grand prize for their tissue culture experiment on how to propagate the seed of a dragon fruit.

"In the future, I want to contribute to society and help find a way to prevent cancer," she added.

Wong Tai Howe, 16, from SMK Lutong Miri, said: "I will return to Sarawak with many new experiences. I enjoyed it because I learned how to use the dosimeter and measure radiation with it.

"We were asked a lot of questions about the experiment but we were encouraged by our instructor to

keep trying to answer them. We learned not to give up."

Nuclear Malaysia senior director of management Dr Dahlan Haji Mohd said the camp aimed to have a positive impact by educating teachers and students on the importance of nuclear science and technology.

"By exposing students to the real-life situations that scientists go through, we want them to gain an interest in science and maybe make it their choice in education and also their careers," said Dr Dahlan.

He said 76 participants from 19 schools from different parts of the country took part in the three-day camp at the Nuclear Malaysia grounds in Bangi.

The Science, Technology and Innovation Ministry-funded camp was started in 2013.



DR. MUHAMMAD LEBAI JURI (kiri) dan Abdul Rashid Musa melihat enjin Proton Iris pada majlis penyerahan kereta itu untuk projek penyelidikan kerjasama antara Proton Holdings Bhd. dan Agensi Nuklear Malaysia.

DR. ZULKAFLI GHAZALI (kanan) dan seorang pegawainya menunjukkan tiga komponen penyelidikan untuk projek penyelidikan kerjasama antara Proton Holdings Bhd. dan Agensi Nuklear Malaysia di Bangi, baru-baru ini.

NUKLEAR merupakan salah satu sumber tenaga alternatif penting yang boleh digunakan untuk pembangunan negara. Terbaharu, teknologi itu bakal digunakan dalam industri automotif tempatan, sekali gus membantu ke arah pembangunan negara terutama dalam bidang sains dan teknologi menerusi kerjasama penyelidikan Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) dan Proton Holdings Berhad (Proton).

Kedua-dua agensi itu mahu penyelidikan tersebut menjadi pencetus dalam menghasilkan produk tempatan yang berinovatif setanding dengan produk import dan sebagai satu simbolik, satu majlis penyerahan kereta Proton Iris untuk projek penyelidikan tersebut telah disempurnakan.

Secara tidak langsung, melalui kerjasama penyelidikan dan pembangunan ini, kerja-kerja penambahbaikan kualiti dan ciri-ciri produk serta pengurangan kos dapat dilaksanakan supaya Proton dapat menjadi lebih berdaya saing dan kompetitif di persada pasaran automotif global.

Ketua Pengarah Nuklear Malaysia, **Datuk Dr. Muhammad Lebai Juri** berkata, kerjasama itu adalah satu kepercayaan industri terhadap manfaat teknologi nuklear di dalam aplikasi industri terutama sektor automotif.

"Nuklear Malaysia akan menggunakan kereta ini di dalam pembangunan produk dan *reverse engineering* untuk meningkatkan mutu dan kualiti serta aspek keselamatan kereta keluaran Proton.

"Program kerjasama antara Nuklear Malaysia dan Proton ini adalah selaras dengan aspirasi dan penekanan kerajaan untuk meletakkan konsep inovasi dan pengutamaan produk tempatan sebagai agenda untuk memajukan ekonomi negara dengan produk tempatan yang berkualiti dan berteknologi tinggi," katanya pada majlis penyerahan kereta untuk projek penyelidikan kerjasama Proton-Agensi Nuklear di Bangi baru-baru ini.

Yang turut hadir Ketua Teknologi Kolaborasi, Proton Holdings Bhd., Md. Ridzuan Md. Yusof dan Pengarah Penyelidikan Bahagian Pemprosesan Teknologi Sinaran Agensi Nuklear Malaysia, Dr. Zulkafli Ghazali.

Di bawah skop Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (COE), Nuklear Malaysia akan membantu Proton dalam tiga bidang iaitu polimer dan komposit, rangkaian kuasa serta elektrik dan elektronik.

Tambah Dr. Muhammad, dalam fasa pertama, program kerjasama tersebut meliputi tiga komponen penyelidikan iaitu Pembangunan Pemecut Elektron Termaju

Nuklear tingkat kualiti Proton

Agensi Nuklear dan Proton jalin kerjasama penyelidikan

Oleh **NUR FATIEHAH ABDUL RASHID**
teharashid@gmail.com



Merentasi Halogen Bebas/FR Cable For Automotive, Pembangunan Aluminium Termaju Aloi sebagai Pengalir Elektrik Untuk Automotif dan Peningkatan Establishment Standard Industri Proton dan Standard Malaysia Untuk Kabel Aumotif.

"Nuklear Malaysia kemudahan lengkap untuk melaksanakan penyelidikan ini, antaranya kemudahan penyinaran alur elektron, kemudahan penyinaran gamma, loji polimer dan komposit.

"Selain itu terdapat juga makmal nano, loji sintesis, pusat pembangunan prototaip (PDC) yang berupaya untuk menghasilkan *rapid prototyping* and *soft tooling*, pusat instrumentasi dan automasi (PIA) yang banyak menjalankan simulasi serta lain-lain lagi," ujarnya.

Sementara itu, menurut Ketua Pegawai Teknikal Kumpulan Kejuruteraan, Proton Holdings Berhad, **Abdul Rashid Musa**, kepakaran daripada Nuklear Malaysia amat diperlukan demi meningkatkan mutu dan kualiti aspek keluaran Proton.

"Secara khususnya, Nuklear Malaysia akan membantu Proton dengan membekalkan kabel untuk enjin kereta. Kabel ini adalah untuk menjadikan enjin kereta lebih tahan panas.

"Seterusnya membekalkan aloi aluminium yang bersifat ringan untuk dijadikan kabel. Dalam masa yang sama, kerjasama penyelidikan ini dapat membantu meningkatkan standard dalam industri automotif," ujarnya.

Tambahnya, hasil penyelidikan itu menjadikan teknologi kereta di negara ini dinaiktaraf sekaligus dapat membantu mengurangkan kos dalam penghasilan kereta.

"Bukan itu sahaja, kita juga dapat berkongsi kepakaran dan peralatan yang ada untuk memperkembangkan lagi teknologi dalam industri ini.

"Kelebihan dari segi kepakaran yang kita ada pada masa kini menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara ASEAN paling maju dalam penghasilan kereta," jelasnya.



ABDUL RASHID MUSA (dua dari kanan) menyerahkan replika kunci kereta kepada **Dr. Muhammad Lebai Juri** (dua dari kiri) sebagai simbolik penyerahan kereta untuk projek penyelidikan kerjasama antara Proton Holdings Bhd. dan Agensi Nuklear Malaysia di Bangi baru-baru ini. Turut kelihatan Md. Ridzuan Md. Yusof (kanan) dan Dr. Zulkafli Ghazali (kiri).

27 October 2015

*Nuclear Malaysia
in the News 2015*



MADIUS TANGAU (dua dari kanan) mendengar penerangan mengenai kabel hasil penyelidikan Agensi Nuklear Malaysia (ANM) daripada Ketua Pegawai Teknikal Proton Holding Berhad, Abdul Rashid Musa (kanan) sambil diperhatikan oleh Ketua Pengarah ANM, Dr. Muhamad Lebai Juri (kiri) dalam majlis perasmian *Technology Preview and Showcase ANM 2015* di Bangi, semalam. - UTUSAN/SAIFUL BAHARI ASHARI

R&D teknologi nuklear capai 10 peratus akhir tahun

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Kerajaan optimis aktiviti pembangunan dan penyelidikan (R&D) dalam bidang sains dan teknologi nuklear bagi penghasilan produk mampu mencapai sasaran pada kadar 10 peratus menjelang hujung tahun ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Madius Tangau berkata, sasaran berkenaan semakin jelas terutamanya apabila kerajaan memperuntukkan RM1.5 bilion untuk meningkatkan produktiviti, inovasi dan teknologi hijau melalui Bajet 2016.

"Nadi penggerak yang memainkan peranan penting bagi bidang ini adalah Agensi Nuklear Malaysia (ANM) yang kini telah memberi manfaat perkhidmatan saintifik kepada lebih 6,000 pelanggan yang terdiri daripada agensi kerajaan dan swasta.

"Selain itu, perkhidmatan saintifik yang dijalankan oleh agensi ini telah menjana pendapatan tahunan berjumlah sekitar RM13 juta sepanjang tempoh 2009 sehingga 2014," katanya dalam sidang akhbar sempena perasmian *Technology Preview And Showcase ANM 2015* di Bangi dekat sini, hari ini.

Terdahulu, Madius merasmikan program yang menggabungkan beberapa aktiviti utama iaitu seminar pengkomersialan dan pemindahan teknologi, seminar harta intelek (IP), pertandingan inovasi penyelidikan ANM, pameran produk dan khidmat serta IP Showcase.

Selain itu, beliau turut menjadi saksi kepada upacara menandatangani memorandum perjanjian (MoA) antara ANM dengan 16 syarikat yang berpotensi membangun

kan industri nuklear negara.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah ANM, Datuk Dr. Muhamad Lebai Juri dan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian tersebut, Datuk Dr. Mohd. Azhar Yahaya.

Tambah Madius, peruntukan Bajet 2016 itu dapat memastikan kesinambungan agenda sains, teknologi dan inovasi negara khususnya melalui Program Pengkomersialan MOSTI (MCY) yang telah dilancarkan tahun lalu.

"Kementerian akan menggunakan peruntukan yang ada bagi menyambung hasrat kerajaan dalam Bajet 2015 apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menetapkan sasaran pengkomersialan 360 produk R&D berimpak tinggi menjelang tahun 2020 dan setakat ini, lapan peratus telah berjaya dicapai," katanya.

Lebih banyak produk penyelidikan dikomersialkan menjelang 2020

Bangi: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan memberi tumpuan kepada usaha memperkasakan aspek komersial produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) institusi penyelidikan tempatan menerusi peruntukan RM1.5 bilion.

Menterinya, Datuk Seri Madius Tangau, berkata peruntukan itu mampu meningkatkan tambahan sasaran komersial sebanyak 10 peratus berbanding 360 produk R&D berimpak tinggi menjelang tahun 2020.

Beliau berkata, kementerian akan melaksanakan langkah yang bersesuaian dan memperkemarkan definisi komersial supaya sasaran dapat dicapai dengan menjadikan penanda aras negara maju.

Capai sasaran 10 peratus

"Kita akan meningkatkan usaha bagi mencapai sasaran 10 peratus dan sehingga hari ini, pencapaian hanya lapan peratus. Akan tetapi kita ber-



Madius (tengah) **meneliti produk yang dipamerkan sempena Pameran dan Pratonton Teknologi Agensi Nuklear Malaysia 2015 di Bangi, semalam.**
[FOTO MUJHD ASYRAF SAWAL/BH]

keyakinan dengan pengisytiharan Tahun Pengkomersialan Malaysia 2016, ia akan dicapai.

"Saya yakin aktiviti pemin-dahan teknologi dan pengkomersialan akan dapat ditingkatkan melalui kerjasama erat antara Agensi Nuklear Malaysia dan institusi penyelidikan

lain dengan universiti serta industri bagi menghasilkan produk R&D yang mempunyai nilai komersial dan memenuhi kehendak pasaran," katanya kepada media selepas merasmikan Pameran dan Pratonton Teknologi Agensi Nuklear Malaysia 2015 di sini, semalam.

Program selama empat hari bermula semalam itu, bertujuan menemukan warga pen-yelidik dengan wakil industri, pelanggan, pelajar dan orang ramai agar dapat berinteraksi antara satu sama lain mengenai hasil R&D yang berpotensi untuk dikomersialkan.

30 November 2015

*Nuclear Malaysia
in the News 2015*

agro

FAKTA

Produk yang dihasilkan daripada gaharu ialah seperti, kayu gaharu, minyak tulen gaharu, minyak wangi gaharu, teh herba gaharu, kit pengesan minyak gaharu.

**CARA-CARA
PENGHASILAN
PRODUK**

Kayu gaharu - Dihasilkan menggunakan teknologi inokulasi yang dibangunkan oleh Nuklear Malaysia dengan kerjasama syarikat Legenda Yakim Sdn. Bhd.

Komersialkan teknologi gaharu

Hasil penyelidikan Nuklear Malaysia bantu jayakan projek komuniti

Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com

PENDEKATAN memasyarakatkan teknologi dan hasil penyelidikan sewajarnya menjadi agenda besar bagi sebuah negara seperti Malaysia. Ini kerana rakyat ternanti-nanti bentuk bantuan yang sewajarnya mereka terima dalam usaha melakukan transformasi sosioekonomi dalam kehidupan.

Teknologi itu memungkinkan mereka mengubah kehidupan atau sekadar membuktikan kejayaan penyelidikan menghasilkannya.

Oleh sebab itu, kejayaan memasyarakatkan teknologi perlu melihat kepada sejauhmana ia mampu mengubah nasib kumpulan tersebut dan akhirnya member impak yang baik kepada mereka.

Insituti penyelidikan tempatan perlu menjadikan agenda ini sebagai matlamat penubuhan supaya wang yang dilaburkan tidak sia-sia.

Melihat kepada keperluan tersebut, Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) mewujudkan projek komuniti bertujuan menyampaikan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan inovasi seperti yang dibuktikan dalam Projek Pembangunan Kilang Ekstraksi Minyak Gaharu di perkampungan Orang Asli Kampung Kedaik, Rompin, Pahang.

Projek komuniti dengan sumbangan dana daripada Kementerian Sains dan Teknologi dan Inovasi (MOSTI) itu merealisasikan pemindahan teknologi dari sebuah loji perintis (dengan inovasi sistem penyulingan berprestasi tinggi) di Nuklear Malaysia ke kilang komersial.

Loji berkenaan mempunyai kemudahan mengekstrak minyak gaharu dari kayu pokok karas (atau di sesetengah tempat dikenali sebagai depu) dan candan, hasil hutan tropika bumi Malaysia.

Operasi kilang yang dikendalikan oleh penduduk Kampung Kedaik melalui Jawatankuasa Kemajuan Kampung Kampung (JKKK) beroperasi mengikut peraturan pengilangan, dan melalui semua proses lazim untuk operasi secara selamat, dari aspek struktur, peralatan, sumber tenaga dan cara bekerja yang sistematis termasuk usaha pematuhan kualiti produk.

SUNTIKAN
oleoresin gaharu
ke atas pokok
karas di plot
percubaan,
Agensi Nuklear
Malaysia.

DR. CHONG SAW PENG menjalankan
penyelidikan minyak gaharu di
makmal Nuklear Malaysia Bangi.



ANAK benih karas dibiak melalui teknik kultur tisú dibangunkan oleh penyelidik Nuklear Malaysia.



Minyak tulen gaharu - Dihasilkan menggunakan teknologi pengekstrakan - hidro penyulingan yang ditambahbaik.

Minyak wangi gaharu - Dihasilkan dengan rumusan minyak gaharu dengan minyak pati lain.

Kit pengesan minyak gaharu - Dibangunkan untuk membezakan minyak gaharu tulen dengan minyak pati yang lain.

SISTEM pengekstrakan minyak Nuklear Malaysia.



PROJEK pembangunan industri gaharu melibatkan penduduk kampung.

RUMAH kaca gama yang digunakan dalam kajian mutagenesis anak benih karas bagi penghasilan tanaman yang cepat matang untuk penghasil resin gaharu.

Kejayaan kilang tersebut beroperasi berterusan, dengan titisan pertama minyak gaharu pada 8 Ogos 2008, dan boleh dijadikan contoh bahawa dengan kegigihan dan semangat ingin terus maju, semua lapisan masyarakat mampu memanfaatkan R&D dan inovasi tempatan.

Dalam masa yang sama, projek seumpama itu menyediakan pelbagai peluang pekerjaan kepada ramai penduduk kampung berkenaan, termasuk golongan wanita, dalam aktiviti berkaitan seperti pembangunan nurseri anak benih karas dan memanfaatkan sisa pemrosesan minyak gaharu. Ini termasuklah antaranya hampas kayu dan air proses sulingan (hidrosol) minyak gaharu sebagai bahan untuk industri penjagaan kesihatan dan kecantikan.

Kepakaran juga terbina daripada projek terbabit yang turut melibatkan pencari bahan mentah, operator kilang dan penjaga kualiti dijadikan sumber rujukan dan pembimbing kepada peserta projek yang sama di Sabah. Projek seumpamanya juga dilaksanakan di pedalaman Sarawak, iaitu di Sungai Asap, Belaga, melalui dana Projek Komuniti MOSTI

juga kepada Asap Koyan Development Community (AKDC).

Melalui platform teknologi tersebut, Nuklear Malaysia berjaya meletakkan dirinya untuk sama-sama memberi sumbangan terhadap industri gaharu tempatan.

Menurut seorang penyelidik Nuklear Malaysia yang terlibat dengan industri gaharu, **Chong Saw Peng**, projek dimulakan pada 2009 dan bertujuan membangunkan produk penjagaan diri daripada sumber Aquilaria dan oleoresinnya serta menggunakan semula bahan buangan minyak ekstrak gaharu kepada produk baharu.

Beliau yang juga Pegawai Penyelidik Bahagian Biosains dan Agroteknologi Nuklear Malaysia berkata, tujuan utama penglibatan agensi terbabit adalah untuk menyusun semula industri gaharu tempatan.

"Kita memodenkannya melalui sains dan teknologi supaya dapat menempatkan gaharu sebagai salah satu sumber bioekonomi tempatan menerusi melalui R, D & C (penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan) serta projek komuniti," ujarnya.

Beliau berkata, sesetengah produk seperti teknologi inokulasi, teknologi pengekstrakan dan minyak wangi gaharu telah dikomersialkan menerusi syarikat rakan kerjasama.

Katanya, Nuklear Malaysia telah banyak menyumbang usaha dalam membangunkan industri gaharu tempatan.

Dengan pengetahuan dan teknologi yang sedia ada, Nuklear Malaysia telah banyak memindahkan teknologi yang dibangunkan kepada industri gaharu dan juga komuniti tempatan seperti teknologi inokulasi pokok karas, pengekstrakan minyak gaharu dan produk berasaskan gaharu.

Dengan kejayaan tersebut, banyak aspek kejayaan dapat diraih dan iaitu dari segi ekonomi ia berjaya mewujudkan industri kampung yang boleh dimanfaatkan oleh pencari gaharu, menyahut dasar kerajaan bagi mewujudkan satu industri satu kampung serta menaikkan taraf aktiviti ekonomi kepada tahap yang lebih tinggi dan sistematik.

Dari sudut sosial pula ia berjaya menjana pendapatan tunai hasil daripada jualan minyak yang diekstrak, menyediakan peluang pekerjaan baharu sebagai operator kilang dan peluang pekerjaan sebagai pencari kayu gaharu.

Ia juga dapat melahirkan usahawan gaharu dalam kalangan masyarakat luar bandar yang mampu bersaing di pasaran antarabangsa.

Lebih menarik, kejayaan tersebut dapat menambahkan sumber pendapatan dan meningkatkan ekonomi masyarakat terutama kumpulan pencari gaharu dan menambahkan pengetahuan bagi mempertingkatkan teknologi pemrosesan dan menjadikan masyarakat tempatan lebih kompetitif.

Justeru, hasil penyelidikan gaharu yang dijalankan oleh Nuklear Malaysia telah banyak dipindahkan kepada industri gaharu tempatan dan juga komuniti.

Ia menepati peranan Nuklear Malaysia sebagai konsultan dan dalam masa yang sama memberi nasihat dalam hal-hal yang melibatkan pembangunan industri gaharu tempatan kepada MOSTI.



CHONG SAW PENG



sains

SELAMA tiga dua malam, sebahagian pelajar sekolah menengah yang bertuah dan juga guru-guru Sains dari seluruh negara diberi peluang untuk mengenali teknologi nuklear serta aplikasinya dalam kehidupan seharian dengan lebih dekat.

Program Perkhemahan Nuklear: *Veni, Vidi, Vici* 2015 bagi sesi 2 tahun 2015 itu merupakan sinergi yang terbentuk menerusi kerjasama antara Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Pendidikan, Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) serta Kelab Sukan dan Kebajikan Nuklear Malaysia.

Objektif program yang mula diadakan pada tahun 2013 bertujuan memperkenalkan dan menyebarkan subjek sains dan teknologi nuklear menerusi pembelajaran luar kelas dengan beberapa penambahbaikan yang dilakukan setiap kali pengajiannya.

Bukan itu sahaja, program berkenaan turut menjadi sumber untuk membina keyakinan dan kepercayaan pelajar serta guru sains tentang keselamatan teknologi nuklear sekali gus, memberi pendedahan penggunaan dan sumbangan teknologi nuklear dalam kehidupan.

Dalam masa yang sama, program itu juga dapat memberi motivasi dan menggalakkan pelajar memilih bidang sains dan teknologi nuklear jika berjaya menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi seterusnya memilih saintis sebagai kerjaya.

Veni, Vidi, Vici berasal daripada bahasa Latin yang dilaungkan oleh Julius Caesar membawa maksud “*Saya datang, saya melihat, saya menang (menakluk)*,” diterap dalam perkhemahan tersebut, dan secara tidak langsung pelajar dapat memahami dan menguasai konsep kepentingan nuklear dalam kehidupan.

Perkhemahan informatif tersebut menggabungkan pelbagai aktiviti *hands-on* antaranya, pelajar berpeluang membuat eksperimen di makmal agensi bersama saintis Nuklear Malaysia.

Selain itu, pelajar juga akan melakukan beberapa eksperimen yang menguji tahap pemahaman, tindak balas dan pemerhatian di makmal yang kemudian perlu dipersembahkan dalam pembentangan kumpulan untuk memenangi hadiah wang tunai sebagai ganjaran.

Menariknya juga, pelajar dan guru berpeluang menggunakan peralatan serta teknologi canggih yang ada di makmal penyelidikan Nuklear Malaysia, Bangi.

Pertandingan penyelidikan itu melibatkan 20 eksperimen yang terbahagi



Belajar sains menyeronokkan

Agensi Nuklear anjur perkhemahan *Veni, Vidi dan Vici*

Oleh **NUR FATIEHAH
ABDUL RASHID**



kepada empat kulster iaitu Kluster 1: Isotop dan Sinaran dalam Biosains dan Pertanian, Kluster 2: Keselamatan dan Penentuan Sinaran, Kluster 3: Isotop dan Sinaran dalam Perubatan dan Kluster 4: Isotop dan Sinaran dalam Alam Sekitar dan Teknologi Pemprosesan Sinaran.

Salah satu eksperimen bagi Kluster 1 adalah seperti pengasingan sistematik fitokimia tumbuhan tersinar menggunakan kaedah kromatografi, manakala eksperimen bagi Kluster 2 pula adalah teknik pengukuran dan pengoptimuman dos kepada pesakit ketika menjalankan pemeriksaan x-ray dada.

Eksperimen bagi Kluster 3 adalah seperti penentuan dos glandular purata pada fantom pelbagai ketebalan dalam sistem mamografi dan bagi Kluster 4, melibatkan eksperimen spesifikasi lateks berammonia tinggi dan lateks getah asli pemvulkanan sinaran.

Pengarah Kanan Program Pengurusan Nuklear Malaysia, **Dr. Dahlan Mohd.** berkata, program *Veni, Vidi, Vici* adalah

suatu platform terbaik kepada pelajar dan guru untuk mengenali dan mendekati sains dan teknologi nuklear.

Katanya, semenjak agensi berkenaan ditubuhkan, pihaknya telah mula menggalas peranan dalam usaha menyebarkan maklumat bagi menyuntik kesedaran dan penerimaan masyarakat awam terhadap sains terutamanya teknologi nuklear.

“Pelbagai program kesedaran awam dirancang dari semasa ke semasa dan dilaksanakan sebaik-baiknya seperti program ceramah dan pameran ke sekolah seluruh negara, program ceramah dan pameran ke institut pendidikan guru, Siri Jelajah Ikon Saintis dan Perkhemahan Nuklear 3V ini.

“Program perkhemahan 3V kali ini telah disertai oleh hampir 100 buah sekolah manakala bagi tahun ini, jumlah penyertaan daripada pihak sekolah adalah sebanyak 20 buah melibatkan 80 peserta dalam kalangan guru dan pelajar,” katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap dalam majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Program Perkhemahan Nuklear: *Veni, Vidi, Vici* 2015 di Nuklear Malaysia, Bangi, baru-baru ini.

Menurutnya, fokus program itu adalah untuk memberi impak positif kepada pelajar dan guru dalam memahami kepentingan teknologi nuklear dalam

kehidupan selain membina keyakinan serta kepercayaan peserta terhadap keselamatan teknologi nuklear.

“Di samping itu, guru-guru juga akan mendapat pendedahan maklumat terkini dan tepat mengenai teknologi nuklear untuk diuar-uarkan kepada warga sekolah masing-masing,” katanya.

Dalam pada itu, salah seorang peserta dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Convent Butterworth, Pulau Pinang, **V. Sharvini**, 17, berkata, menerusi



PELAJAR turut berpeluang merasai pengalaman menggunakan peralatan serta teknologi canggih yang ada di makmal penyelidikan Agensi Nuklear.





perkhemahan itu dia dapat mempelajari tentang sesuatu eksperimen dengan lebih mudah terutama eksperimen berkaitan tisu kultur.



V. SHARVINI

“Kumpulan kami perlu menjalankan eksperimen tisu kultur yang sayananggap agak sukar, namun dengan bantuan ahli kumpulan yang lain, kami berjaya menyiapkan tugas yang diberikan.”

katanya.

Seorang lagi peserta, **Faveyana Linos**, 16, dari SMK Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah, berkata, apa yang paling mencabar bagi kumpulan dalam perkhemahan itu adalah kelainan bahasa yang terpaksa dihadapi oleh mereka.



FAVEYANA LINOS

“Rakan-rakan dari negeri lain agak sukar memahami bahasa yang kami gunakan, namun kami jadikan cabaran ini sebagai satu kekuatan untuk belajar berinteraksi dan menyesuaikan diri, terutama ketika pembentangan hasil eksperimen,” katanya.

Sementara itu, menurut Muhammad **Faiz Md. Razif**, 16, dia dan rakan-rakan yang lain berasa sangat berbangga kerana berpeluang menjalankan eksperimen yang agak mencabar dan menguji kebolehan mereka.

Tambah pelajar dari SMK Putrajaya itu, mereka juga berasa teruja kerana diberikan peluang untuk menggunakan peralatan canggih yang ada di makmal Nuklear Malaysia.

“Kami telah melakukan eksperimen menggunakan kaedah yang berbeza-beza. Oleh itu, pelbagai prosedur perlu dilakukan bagi melengkapkan dan menyiapkan tugas yang diberikan. Di sini, kerjasama daripada ahli kumpulan yang lain sangat penting untuk kami menjayakan penyelidikan kami,” jelasnya.

EKSPERIMEN di makmal dapat menimbulkan minat pelajar terhadap sains.



PERKAHWINAN 2015 Muka 8

» Dr Siti A'iasah buktikan golongan Hawa boleh pecah monopoli bidang dikuasai lelaki

Pakar nuklear

Oleh Norhafzan Jaafar
hafzan@bh.com.my

Sebut saja nuklear, terus saja kita membayangkan pembuatan bom yang mampu memusnahkan alam sejagat, selain memikirkan kebimbangan kerana kebocoran daripada tenaga kuasa itu boleh mengakibatkan ancaman radiasi.

Hakikatnya, tidak ramai yang tahu nuklear mempunyai peranan dalam kehidupan seharian kita bukan saja dalam bidang perubatan, kejuruteraan dan industri, tetapi juga pertanian dan pemakanan.

Salah anggapan terhadap manfaat teknologi nuklear juga menyebabkan umum tidak menyedari pembabitan ramai wanita di negara ini sebagai saintis dan penyelidik dalam bidang berkenaan.

Hampir 40 peratus daripada penyelidik di Agensi Nuklear Malaysia yang beribu pejabat di Bangi, Selangor adalah wanita yang terbahit dalam penyelidikan

dan pembangunan dalam usaha menggerakkan pemindahan dan penggunaan teknologi nuklear di negara ini.

Wanita pertama terbahit penyelidikan nuklear

Bagi Pengurus Pusat Pembangunan Akselerator yang juga pegawai penyelidik di Agensi Nuklear Malaysia, Dr Siti A'iasah Hashim, 53, pembabitannya dalam bidang nuklear bermula pada tahun 1992 apabila ditugaskan sebagai jurutera di kemudahan alurtron.

Paling membanggakan, Siti A'iasah adalah jurutera wanita pertama yang terbahit dalam bidang yang masih asing di negara ini ketika itu, selain menjadi satu-satunya wanita yang berada dalam kelompok lelaki di situ.

Pada awal kerjaya, selain bertugas menjalankan penyelidikan, beliau turut dipertanggungjawabkan menjaga operasi dan penyenggaraan mesin alur elektron iaitu sejenis akselerator elektron (pemecut zarah elektron) bertujuan menghasilkan sinaran beta atau lebih dikenali sebagai alur elektron.

O Muka 7

◉ Dari muka 6

“Kemudahan ini memberi khidmat penyinaran alur elektron kepada industri untuk tujuan pensterilan peranti perubatan yang kecil, taut silang bahan polimer, semikonduktor, wayar dan kabel.

“Mungkin ramai yang tidak mengetahui kehidupan seharian mereka sebenarnya mempunyai kaitan dengan teknologi nuklear apabila banyak barangan yang digunakan mereka membabitkan penggunaan teknologi ini,” katanya yang memberikan contoh kaitan nuklear dalam kehidupan harian pengguna.

Pencapaian membanggakan

Berkongsi pandangan beliau mengenai pembabitkan wanita dalam bidang penyelidikan nuklear, Siti A'iasah berkata, beliau bangga dengan penyertaan golongan terbabit kerana ia disifatkan sesuatu yang bukan asing dan berada pada tahap yang amat menggalakkan.

“Jika dilihat secara keseluruhan, jumlah penyelidikan wanita dalam bidang ini di Malaysia memang ramai, malah penyertaan kita sendiri mengatasi Jepun yang disifatkan memiliki teknologi nuklear paling maju di dunia.

“Berdasarkan pengalaman saya ketika menyertai kursus atau seminar di negara itu, memang tidak ada penyelidikan wanita yang terbabit atau menerajui bidang nuklear sehinggalah mereka terkejut apabila saya memperkenalkan diri sebagai seorang daripada peserta yang terbabit untuk melakukan kajian,” katanya mengenai pengalaman ketika di Negara Matahari Terbit itu.

Siti A'iasah berkata, sepanjang 23 tahun terbabit dalam bidang itu, beliau bertuah kerana diberikan kepercayaan penuh untuk menggalas tanggungjawab yang jarang diterokai wanita.

Antara pencapaian beliau ialah kejayaan membangunkan sistem kawalan mutu ISO 9001 pada tahun



Dari kiri; Penyelidik Kanan Agensi Nuklear Malaysia, Dr Noor Hasnah Mohamed Khairullah, Dr Siti A'iasah dan Salmah Moosa.

[FOTO NUR ADIBAH AHMAD IZAM / BH]

Ubah persepsi negatif

2003 di kemudahan yang diterajunya dan sehingga kini pusat terbabit masih memegang persijilan yang sama.

Nuklear dan bom

Mengulas pandangan klise masyarakat umum yang akan mengaitkan teknologi nuklear dengan bom dan kemusnahan, Siti A'iasah berkata, perkara itu memang tidak dapat dinafikan, malah disifatkan sebagai cabaran bagi penyelidik seperti untuk mengubah persepsi negatif itu.

“Sehingga hari ini, soalan seperti ‘Buat bom ke?’ akan terus diajukan kepada saya setiap kali memaklumkan saya bekerja

dengan agensi nuklear.

“Sering kali persepsi negatif menghantui mereka apabila memperkatakan mengenai nuklear termasuk kebimbangan berlaku radiasi akibat kebocoran loji.

“Sedangkan sepanjang pembabitkan saya dalam bidang ini, terbukti belum ada sebarang kemalangan memandangkan kami mempraktikkan prosedur dan langkah keselamatan yang ketat di tempat kerja,” katanya.

Kehidupan normal

Ibu kepada lima anak ini turut menangkis tanggapan negatif pembabitkan dalam bidang nuklear juga mempunyai kesan jangka panjang

“Mungkin ramai yang tidak mengetahui kehidupan seharian mereka sebenarnya mempunyai kaitan dengan teknologi nuklear apabila banyak barangan yang digunakan mereka membabitkan penggunaan teknologi ini”

Dr Siti A'iasah Hashim,
Pengurus Pusat
Pembangunan
Akselerator

terutama dari aspek kesihatan kepada wanita.

“Memang ada kita mendengar pandangan umum bahawa mereka yang terdedah dalam bidang ini mungkin akan mengalami masalah kesihatan dan mandul.

“Tetapi saya sendiri sudah buktikan, sepanjang lebih 20 tahun bertugas, saya menjalani kehidupan berkeluarga yang normal termasuk mempunyai lima cahaya mata yang sihat dan sudah berjaya dalam bidang masing-masing,” katanya yang berazam melakukan lebih banyak penyelidikan dalam reka bentuk akselerator dan penjaan neutron.

PROFIL

Dr Siti A'iasah Hashim

- ◉ **Tarikh lahir:** 1 Januari 1962
- ◉ **Asal:** Port Dickson, Negeri Sembilan
- ◉ **Pendidikan:**
 - Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrik), Universiti New South Wales, Australia
 - Ijazah Doktor Falsafah (Fizik), Universiti Malaya

Pencapaian dan anugerah:

- ◉ **Women Inventor 2015** (Hari Inovasi Nuklear Malaysia)
- ◉ **Anugerah** Perkhidmatan Cemerlang 2015
- ◉ **Pingat Emas:**
 - a. Innovation Nuclear Malaysia 2015
 - b. Innovation Nuclear Malaysia 2013
 - c. Islamic Innovation Expo 2012 (I-Inova 12), Universiti Sains Islam Malaysia
- ◉ **Pingat Perak** for Discharge Based Reactor for Chemical Syntheses at the International Conference and Exposition on Inventions by Institutions of Higher Learning (PECIPTA) 2009, KLCC, Kuala Lumpur.



Memupuk minat sains kepada kanak-kanak.



Dr A'iasah ketika menerima Ijazah Kedoktoran.



28 December 2015


Nuclear Malaysia
in the News 2015

fokus


**FAKTA
PERUBATAN
NUKLEAR**

Cabang perubatan yang menggunakan radiasi untuk memperoleh maklumat berdasarkan imej mengenai anatomi manusia dan fungsi organ tertentu pada semua peringkat umur.

Suatu diagnosis yang primer, dengan itu sebarang penyelidikan dengan kos yang tinggi untuk sesuatu jenis penyakit boleh diabaikan.



BAHAGIAN dalam sebuah mesin siklotron.



CONTOH siklotron kapasiti 18 MeV.

Rawat penyakit lebih berkesan

Nuklear Malaysia perkenal teknologi siklotron sebagai alternatif perubatan nuklear

Oleh LAUPA JUNUS
laupajunus@hotmail.com



BIDANG perubatan pada hari ini berdepan dengan cabaran dari pelbagai sudut. Masalah utama yang dihadapi ialah bagaimana menentukan kaedah mengesan penyakit (diagnosis) dan seterusnya memberi rawatan.

Kita masih boleh bergantung harap kepada kaedah rawatan konvensional kerana tidak ramai pesakit yang sanggup menanggung kos rawatan yang terlalu tinggi meskipun hasilnya lebih baik.

Bagaimanapun, dengan perkembangan teknologi perubatan yang semakin canggih, pesakit tidak ada pilihan dan mereka yang berkemampuan pastinya bersedia menanggung kos tersebut.

Di peringkat awal kaedah rawatan iaitu ketika mengesan atau istilah perubatannya mendiagnosis penyakit, pelbagai teknologi digunakan. Bagi kaedah pengimejan, sinaran-X, imbasan Tomografi berkomputer (CT) dan Pengimejan Magnetik Resonans (MRI) digunakan. Namun apa yang ramai tidak tahu ialah semua berpaksaikan kepada teknologi nuklear.

Menurut Pegawai Penyelidik Kanan, Unit Fasilitas Pengeluaran Radioisotop Bahagian Teknologi Perubatan, Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia), Dr. Azahari Kasbollah, perubatan nuklear

diistilahkan sebagai pengkhususan dalam bidang perubatan yang melibatkan penggunaan bahan radioaktif (radioisotop) dalam kuantiti yang sedikit. Ia dimasukkan ke dalam tubuh pesakit bertujuan sama ada untuk mengesan atau merawat sesuatu penyakit khususnya kanser.

Katanya, radioisotop yang digunakan adalah bersifat sintetik dan dihasilkan sama ada menerusi kaedah pembelahan nukleus daripada kemudahan reaktor nuklear, menggunakan mesin pemecut zarah atau melalui penjana radionuklid.

Menurut beliau, aktiviti perubatan nuklear itu merangkumi prosedur pengimejan dan rawatan menggunakan gabungan bahan radioaktif dan agen pembawa yang dikenali sebagai radiofarmaseutikal.

"Radiofarmaseutikal merupakan suatu sebatian kimia yang mengandungi bahan radioaktif yang telah dilabelkan dengan agen pembawa untuk kegunaan perubatan nuklear."

"Agen pembawa ini dikenali juga sebagai *kit reagen* yang terdiri daripada bahan kimia atau molekul organik seperti protein, karbohidrat, peptide, antibodi, lipid atau asid nukleik," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Nuklear Malaysia, Bangi baru-baru ini.

Ciri-ciri radiofarmaseutikal dalam bidang onkologi (kanser) perlu memenuhi beberapa kegunaan seperti kebolehan mengenal pasti tumor dan mekanisme penyebarannya, dapat merancang rawatan

dan kaedah terapi serta memantau tindakbalas terapi bagi sesuatu penyakit.

Kata beliau, pada peringkat awal penemuannya, perubatan nuklear hanya tertumpu pada pengesanan atau diagnosis awal untuk mengetahui maklumat fungsi sesuatu organ dalam badan dan seterusnya berkembang dengan lebih jauh kepada kefahaman mengenai mekanisme sesuatu penyakit dan juga penilaian rawatan.

Antara beberapa sistem dalam tubuh melibatkan kaedah perubatan nuklear digunakan untuk menilai fungsinya ialah jantung (untuk sakit dada atau akibat serangan jantung), paru-paru, hati, buah pinggang, tulang dan juga kelenjar tiroid.

Prinsip asas dalam perubatan nuklear ialah bahan radiofarmaseutikal yang tertentu akan dimasukkan ke dalam badan pesakit melalui tiga kaedah iaitu dengan cara suntikan ke dalam tubuh, sedutan melalui pernafasan dan kaedah oral iaitu dengan cara makan atau minum. Kemudian pesakit akan


melalui ujian pengimbasan dengan menggunakan kemudahan kamera pengimejan khas yang akan menghasilkan imej yang dapat mengesan kedudukan radiofarmaseutikal yang telah dimasukkan ke dalam tubuh pesakit itu.

Daripada imej yang terhasil, doktor akan dapat mengesan ketidaknormalan sesuatu fungsi atau sistem organ di



DR. AZAHARI
KASBOLLAH

CONTOH mesin pengimbas yang digunakan dalam teknologi perubatan nuklear.



Sejarah penemuan perubatan nuklear

SEJARAH penemuan sinar-X telah membuka era baru perubatan nuklear pada ketika ini.

Penemuan pertama sinar-X telah dicatat oleh seorang guru fizik di sebuah kolej di Jerman iaitu William Conrad Roentgen (1845-1923). Pada 8 November 1895, Roentgen telah menghasilkan imej tangan isteri beliau dengan menggunakan sinar-X. Selepas itu prinsip radiologi telah giat diaplikasikan.

Setahun kemudian seorang lagi saintis, Baquerel telah menemui

bahan radioaktif semula jadi yang pertama dan hasil dari penemuan itu pada tahun 1898, Pierre dan Marie Curie telah berjaya mengasingkan radium.

Penggunaan bahan radioaktif yang pertama dalam bidang perubatan telah diaplikasikan oleh seorang pakar perubatan iaitu Henry Alexandre Danlos dan Eugene Bloch pada tahun 1901 yang mana mereka telah memancarkan sinaran daripada radium kepada lesi tuberkulosis kulit.

Semenjak itulah era perubatan

nuklear terus berkembang dan penting dalam mendiagnos dan merawat pelbagai penyakit.

Setelah seabad penemuan tersebut, kesan radiasi telah dikenal pasti sama ada ia memberi kebaikan atau keburukan, bergantung kepada penggunaan dan kawalan.

Oleh itu, era undang-undang pengawalan radiasi telah diwujudkan pada bulan Oktober 1899 oleh kerajaan Austria setelah membahaskan mengenai isu kesan radiasi tersebut.

Pada tahun 1928, *International*

Commission On Radiological Protection (ICRP) telah mengesyorkan penggunaan dos radiasi yang optimum dan selamat digunakan. Di Malaysia, penguatkuasaan ini dilaksanakan oleh *Radioactive Substances Act* pada tahun 1968. Tetapi pada tahun 1984 ia diganti oleh Akta Pelesenan Tenaga Atom.

Bermula tahun tersebut, Kementerian Kesihatan telah mengambil-alih peranan tersebut sehingga sekarang untuk memastikan keselamatan melalui pengawalan radiasi.

peringkat awal terutamanya penyakit kanser untuk rawatan selanjutnya.

Antara kamera pemgimbas yang selalu digunakan di kebanyakan hospital adalah seperti Gamma Camera, *Single Photon Emission Computed Tomography* (SPECT) dan *Positron Emission Tomography/Computed Tomography* (PET/CT).

Dewasa ini, permintaan kepada teknologi perubatan nuklear telah meningkat dari semasa ke semasa berikutan dengan berkembangnya teknologi baharu dalam menghasilkan radiofarmaseutikal berasaskan pancaran sinaran beradioaktif.


Teknologi tersebut memerlukan mesin siklotron yang berkebolehan untuk menghasilkan radioisotop yang mempunyai 'separuh hayat' yang pendek yang amat berguna dalam bidang perubatan nuklear.

Siklotron ialah sejenis mesin pemecut zarah berbentuk spiral yang menggunakan medan elektrik dan magnet untuk menghasilkan radioisotop-radioisotop seperti Florin-18, Karbon-11, Nitrogen-13, Gallium-68, Yttrium-86 dan Zirconium-89 serta

banyak lagi yang amat berguna bukan hanya untuk bidang perubatan, perindustrian, pertanian dan alam sekitar.



Penjanaan isotop menggunakan siklotron



Sintesis radiofarmaseutikal



Radiofarmaseutikal yang dihasilkan diagihkan ke dalam vial



Setelah radiofarmaseutikal lulus proses kawalan mutu, ia dilepaskan untuk kegunaan pesakit

PROSES pengeluaran radiofarmasi.

Untuk tujuan perubatan, radioisotop ini amat penting dalam penghasilan radiofarmaseutikal khususnya untuk diagnosis dan rawatan terapeutik terhadap penyakit kanser.

Antara kelebihan siklotron berbanding dengan reaktor nuklear adalah penggunaan bahan mula yang stabil dan tidak beradioaktif. Di samping itu, penghasilan sisa radioaktifnya mempunyai jangka hayat yang pendek dan ini memudahkan proses penyimpanan dan menjadikan proses pengoperasiannya lebih mudah.

Dr. Azahari memberitahu, berdasarkan statistik, insiden kanser di negara ini meningkat daripada 32,000 kes-kes baru pada tahun 2008 kepada 37,400 kes pada tahun 2012.

Dianggarkan angka tersebut akan mencapai 56,932 kes pada tahun 2025.

Menurut Agensi Antarabangsa Penyelidikan Kanser (IARC) Globocan, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kematian akibat kanser juga meningkat ke 21,700 kes pada tahun 2012 berbanding 20,100 kes pada tahun 2008.

Justeru, kaedah perubatan nuklear semakin mendapat sambutan tetapi penggunaannya di negara ini boleh dianggap masih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun.

Walaupun penggunaannya masih

dianggap rendah di negara ini, iasemakin berkembang dengan pemilihan peralatan siklotron oleh beberapa buah hospital kerajaan dan swasta.

Jika dahulu hanya reaktor penyelidikan di Nuklear Malaysia, Bangi, sahaja yang dapat mengeluarkan bahan radioisotop ini untuk tujuan perubatan, kini beberapa buah hospital mula mengeluarkan bahan mereka sendiri hasil daripada pemilihan mesin siklotron berkuasa rendah.

Ini dapat memastikan supaya bekalan radiofarmaseutikal mereka tidak akan putus di samping dapat mengawal kualiti bahan radiofarmaseutikal yang dihasilkan.

Namun begitu, jenis bahan radioaktif atau radioisotop yang dihasilkan daripada siklotron berkuasa rendah ini adalah terhad.

Di Malaysia pada masa ini, satu kemudahan siklotron berkapasiti rendah berserta mesin pengimbas *Positron Emission Tomography* (PET) ada ditawarkan di Hospital Putrajaya dan di Institut Kanser Negara (IKN).

Selain itu, sebanyak tiga lagi kemudahan siklotron berkapasiti rendah ada dipunyai oleh tiga buah syarikat swasta yang mengeluarkan radioisotop mereka sendiri untuk tujuan perubatan dengan terdapatnya kemudahan siklotron tersebut di tempat mereka.

Selain itu, kaedah perubatan nuklear beserta dengan kemudahan pengimbas

PET boleh didapati di beberapa buah hospital milik kerajaan seperti di Hospital Pulau Pinang, Hospital Serdang, Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru dan beberapa buah hospital milik swasta.

Antara kelebihan dalam bidang perubatan nuklear ini adalah ia dapat menghasilkan imej yang lebih berkualiti dan memberikan maklumat yang lebih tepat terutamanya dalam mengesan lokasi tumor serta setakat mana tumor tersebut merebak di dalam badan dan merupakan satu kaedah rawatan yang spesifik.

